

IQRA'

Bil. 3/2022
MAC
eISBN : 2735-1920



**Majlis Tazkirah Bulan Mac 2022:
Topik Transgender**
PTAR Shah Alam - muka 4



**Majlis Jasamu Dikenang, Budi Disanjung:
Encik Wan Abdul Rahim Wan Omar**
PTAR Segamat - muka 17



**Taklimat Orientasi Perpustakaan & Lawatan
Berpandu Kepada Pelajar Baharu**
PTAR Dungun - muka 30



**Bengkel Pemantapan Pengurusan Pusat
Sumber Kolej Komuniti Tapah, PTAR Tapah**
PTAR Tapah - muka 51



**LIVE@PTAR Bicara Bersama Pakar Mata:
Glaukoma: Pencuri Senyap Penglihatan**
PTAR Hospital UiTM - muka 54

PROMOSI@PTAR

INTRODUCING THE NEW EQPS
ELECTRONIC QUESTION PAPER SYSTEM
Version 2.0

External Membership UiTM Library

Payment Method: FPX, VISA, Boost, Alipay, kiplePay, WeChat Pay

39 UiTM LIBRARIES

Contact Person: Ms. Nur Hafiza Azzahra, Ms. Nur Hafiza Azzahra, Ms. Nur Hafiza Azzahra



**LAWATAN PEMERIKSA LUAR KE PTAR UiTM CPP
17 MAC 2022****Disediakan oleh: Rafidah binti Muhamad Sam**

Prof. Madya Ir. Dr. Mohd Khairil bin Rahmat melawat buku pelawat PTAR UiTM CPP

Pada 17 Mac 2022, PTAR UiTM CPP telah menerima kunjungan daripada Prof. Madya Ir. Dr. Mohd Khairil bin Rahmat selaku panel pemeriksa luar bagi tujuan pengiktirafan Program Bachelor of Engineering (Hons) Electrical and Electronic Engineering (EE200).

Taklimat ringkas berkenaan kemudahan dan perkhidmatan PTAR UiTM CPP dalam memenuhi keperluan pelajar bagi program tersebut secara khususnya telah disampaikan oleh Encik Nurulizwan Amir, Pustakawan Kanan PTAR UiTM CPP. Prof. Madya Ir. Dr. Mohd Khairil bin Rahmat juga telah dibawa melawat kemudahan yang terdapat di perpustakaan antaranya Pusat IT, ruangan bacaan, bilik-bilik diskusi serta koleksi bahan bacaan yang terdiri daripada buku-buku rujukan, buku teks dan bahan bacaan umum.

Semoga taklimat dan lawatan berpandu yang telah disampaikan kepada beliau dapat memenuhi objektif lawatan yang telah dijadualkan.



Encik Nurulizwan sedang memberi penerangan berkenaan kemudahan perpustakaan kepada panel pemeriksa luar



Wakil dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik turut sama mengiringi panel pemeriksa luar ke PTAR